

Headline	Komited banteras HIV Aids		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	02 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	336 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,848
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,544



# Komited banteras HIV/Aids

MAM, PDRM bekerjasama beri kesedaran kepada masyarakat

**ONN PA**

## **PADANG MAT SIRAT**

- Majlis Aids Malaysia (MAM) menggunakan pendekatan baru, iaitu pengurangan kemudarat-an dalam mencari penyelesaian yang lebih efektif untuk mengurangkan penularan HIV dan Aids di negara ini.

Presiden MAM, Tan Sri Zaman Khan berkata, program terapi penggantian methadone dan pertukaran jarum suntikan (NSEP) yang diperkenalkan secara berperingkat sejak 2006 menunjukkan penularan HIV dan Aids dalam kalangan pengguna dadah penyuntik adalah mendatar.

"Pengurangan kemudarat-an adalah salah satu polisi kesihatan awam yang dijalankan secara prinsip muhibah penggunaan jarum suntikan oleh penagih-penagih dadah. Untuk me-

Headline	Komited banteras HIV Aids		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	02 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	336 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,848
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,544

tingkatkan keberkesanan program ini, MAM menjalin kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya, ketika berucap pada seminar bertajuk, Penguatkuasaan dan Pengurangan Kemudaratan di Dewan Mes Pegawai, Pulapol Langkawi.

Hadir sama Pengarah Eksekutif MAM, Roswati Ghani.

Menurutnya, pihaknya yakin dengan kerjasama PDRM kerana mereka adalah komponen utama dalam NSEP dan anjakan paradigma yang dilakukan oleh PDRM dalam menguruskan gejala narkotik amat positif dalam melakukan transformasi ini.

"Seminar ini sebahagian program pembangunan dan percambahan minda dalam melakukan penguatkuasaan dan maklumat terkini mengenai Aids serta perkara yang melibatkan tugas kepolisan

berkaitan gejala dadah," katanya.

Zaman berkata, MAM begitu komited dan beriltizam untuk meneruskan usaha memerangi masalah HIV dan Aids di negara ini.

"Sebahagian besar dijangkiti melalui perkongsian jarum suntikan dalam kalangan penagih. Oleh itu mereka perlu tahu pencegahan untuk menyekat penularan penyakit lebih berbahaya pada diri mereka," katanya.

Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Bahagian Latihan Bukit Aman, Datuk A Paramasivam berkata, program ini adalah kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

"Saya berharap pegawai yang berada dalam seminar ini mengambil pe-

luang, menimba ilmu dan fokus terhadap perkara yang dibincangkan demi kepentingan bersama," katanya.

Menurutnya, sepanjang tahun ini dari Januari hingga Jun, sejumlah 85,539 orang ditahan polis atas pelbagai kesalahan bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952.

"Hampir 70 peratus daripada tangkapan adalah berkaitan penyalahgunaan dadah, oleh sebab itu polis memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan program ini," katanya.

Paramasivam berkata, kerjasama positif seperti ini perlu ditingkatkan supaya dapat berkongsi ilmu dalam mengekang gejala dadah dan penularan HIV/Aids dalam kalangan pelatih selain membasmi secara terus ancaman dadah terhadap masyarakat.

Headline	Komited banteras HIV Aids		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	02 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	336 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,848
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,544



■ Zaman Khan dan Paramasivam bergambar bersama pegawai-pegawai polis yang mengikuti seminar.